

SYARAT-SYARAT KELULUSAN MEDIA DI KAWASAN PENJARA

- 1.1 Mengemukakan senarai lengkap peribadi krew-krew yang akan hadir iaitu tiga hari sebelum penggambaran dan memastikan mereka berpakaian kemas/ sopan.
- 1.2 Tuan/puan semasa memasuki/berada di dalam penjara dan semasa keluar dari penjara adalah boleh diperiksa seperti mana ketetapan Akta dan Peraturan Penjara.
- 1.3 Hasil liputan yang akan diterbitkan tidak akan menyebabkan imej Jabatan Penjara dan Kerajaan Malaysia tercemar.
- 1.4 Tidak dibenarkan mengambil gambar banduan atau penghuni disekitar kawasan penjara. **Walau bagaimanapun, kebenaran mengambil gambar tertakluk kepada penyeliaan pegawai.**
- 1.5 Tidak dibenarkan menggunakan sebarang alat perakam (tape recoder) atau apa jua yang berkaitan dengannya semasa temubual membabitkan banduan/ tahanan/ juvana dijalankan.
- 1.6 Tidak dibenarkan sama sekali menggunakan mana-mana bahagian daripada liputan/ temubual/ penyiaran ini bagi maksud 'gambar fail' yang disiarkan semula bagi penyiaran/ hebahan tanpa kebenaran bertulis dari Jabatan Penjara Malaysia.
- 1.7 Sila tentukan identiti tahanan/ banduan/ juvana dirahsiakan dengan tidak menyiarkan nama sebenar dan mana-mana gambar yang menampakkan bahagian muka hendaklah digelapkan pada bahagian muka.
- 1.8 Pihak penerbit hendaklah **menyerahkan senaskah hasil liputan yang mengandungi temubual/ penggambaran tersebut tidak lewat hari 7 hari sebelum disiarkan** kepada Unit Urusetia, Bahagian Kependaraan, Ibu Pejabat Penjara Malaysia bagi maksud semakan dan rekod. Kegagalan mematuhi syarat ini memungkinkan syarikat **disenaraihitamkan** dan permohonan akan datang tidak dipertimbangkan.

- 1.9 Jabatan ini akan **meminta pihak penerbit membuat perubahan, penyuntingan, pemotongan atau penggambaran semula jika didapati ada babak-babak atau elemen yang tidak betul atau tidak menepati etika dan prosedur penjara.** Selepas itu ianya hendaklah dikemukakan semula, ke pejabat ini untuk memastikan ianya telah diperbetulkan.
- 1.10 Pihak penyiar, penerbit rancangan dan mana-mana pihak yang terlibat dipertanggungjawabkan penuh terhadap penyiaran liputan berkenaan termasuk sebarang tindakan mahkamah jika diambil oleh pihak yang menuntut.
- 1.11 Kesemua bahan rakaman/ penggambaran/ visual atau apa jua berkaitan dengannya; yang mengandungi temubual/ penggambaran atau apa jua yang berkaitan yang **BELUM DITAPIS** oleh Jabatan Penjara Malaysia adalah diklasifikasikan sebagai **'maklumat terperingkat'** dan merupakan **RAHSIA** Kerajaan Malaysia. Sehubungan itu, pemohon hanya boleh menyiarkan rakaman/ penggambaran/ temubual mana-mana bahagian penjara, pegawai penjara, banduan/ tahanan/ juvana atau apa jua yang berkaitan yang telah dinyatakan dalam surat kelulusan; **setelah ianya ditapis/ edit oleh panel daripada Jabatan Penjara Malaysia.**
- 1.12 Pihak penyiar juga tertakluk kepada sebarang bentuk undang-undang yang dikuatkuasakan dan sebarang tindakan pelanggaran boleh diambil tindakan termasuk tindakan mahkamah akibat daripada penyiaran penggambaran/ visual/ temubual atau apa jua yang berkaitan mengikut syarat-syarat kelulusan yang diberi.
- 1.13 Sebarang kehilangan atau kerosakan kelengkapan, peralatan atau premis penjara hendaklah diperbaiki atau membayar ganti rugi.
- 1.14 Mencatat **'Jabatan Penjara Malaysia'** pada *'credit-title'* filem atau drama berkenaan.
- 1.15 Kelulusan yang diberi atau penghasilan yang telah dihasilkan oleh pihak penyiar dan keputusan tersebut adalah muktamad tanpa boleh dipertikaikan oleh mana-mana pihak.
- 1.16 Mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan.